

Hujan kurang air cukup

■ Monsun Barat Daya tak beri kesan penurunan paras air di empangan seluruh Semenanjung Malaysia



KEADAAN paras air di Empangan Timah Tasoh di Jalan Padang Besar, Perlis.

"Bekalan air di Empangan Durian Tunggal mencukupi,"
Mohd Khalid Nasir

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad, Syah Rul Aswari Abdullah, Hadzlihady Hassan, Muhaamad Hafis Nawawi, Izlaity Nurul Ain Hussein, Hafizudin Mohd Safar
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Iklm Monsun Barat Daya yang dialami negara kini dijangka tidak memberi kesan teruk terhadap penurunan paras air di empangan seluruh Semenanjung Malaysia biarpun kekurangan hujan. Mengikut statistik laman web rasmi **Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**, paras air di tujuh empangan termasuk satu kolam takungan di Selangor masih terkawal.

Setakat jam 8 pagi semalam, empangan terbesar Langat mencatatkan kadar 58.69 peratus (20.01 juta liter padu) manakala Sungai Selangor 77.15 peratus atau 177.45 juta liter padu.

Empangan Batu pula mencatat bacaan 64.03 peratus (20.46 juta liter padu), Klang Gates (83.79 peratus atau 21.23 juta liter padu), Semenyih (95.48 peratus atau 56.40 juta liter padu), Sungai Tinggi (73.77 peratus atau 84.46 juta liter padu) dan Tasik Subang (95.32 peratus atau 4.01 juta liter padu). Kolum Takungan Sungai Labu (ORS) pula mencatat bacaan 89.32 peratus atau 8.17 juta liter padu air.

Di **Negeri Sembilan**, Ketua Bahagian Perhubungan Awam Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) Norzita Ismail berkata, paras air di lima empangan melebihi paras kritikal iaitu Empangan Sungai Terip pada 101.06 meter (m), Kelinchi (200.14m), Talang (Ulu Muar) 145.03m, Sungai Beringin dan Ulu Sepri masing-masing 135m manakala Empangan Gemencheh (90.95m) dan

Teriang (181.20m) pula melebihi paras minimum.

"Empangan Gemencheh membekalkan air ke daerah Tampin dan Rembau dengan dibantu Loji Rawatan Air (LRA) Sawah Raja. Sejak perasmian paip baru pada 8 Julai lalu masalah bekalan air di kedua-dua daerah ini dapat diatasi selain catuan dan pembelian air dari Melaka ditamatkan," katanya.

Di **Melaka**, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Melaka Berhad Datuk Mohd Khalid Nasir berkata, Empangan Durian Tunggal di Alor Gajah berada pada tahap kapasiti 75.9 peratus diikuti Empangan Jus (57.8 peratus) dan Empangan Asahan (95.5 peratus), masing-masing di Jasin.

"Bekalan air di Empangan Durian Tunggal mencukupi, malah semalam (kelmarin) turut merekodkan hujan 13 milimeter begitu juga Empa-

ngan Jus yang menerima hujan empat milimeter. Empangan Asahan pula dalam kapasiti hampir penuh," katanya.

Di **Kedah**, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, badan-badan Bukan Kerajaan negeri Datuk Badrol Hisham Hashim berkata, kandungan isi padu air di empat empangan utama iaitu Empangan Muda, Empangan Ahning, Empangan Pedu dan Empangan Beris masih mencukupi dan tidak terjejas.

"Orang ramai tidak perlu panik dan kita boleh menyalurkan bekalan air serta tidak akan menghadapi sebarang masalah," katanya.

Keadaan sama di Perlis apabila paras air Empangan Timah Tasoh berada pada tahap normal malah bekalan dijangka mencukupi untuk suatu tempoh yang lama.

"Kami memantau perkembangan paras air di empangan

terbabit dan menjangkakan bekalan air masih mencukupi untuk tempoh lama walaupun cuaca mungkin semakin panas," kata Pengerusi Jawatankuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar Perlis, Datuk Mat Rawi Kasim.

Di **Johor** tiada catuan air dilaksanakan dalam tempoh tiga minggu ini walaupun paras air di dua empangan utama iaitu Empangan Layang Atas, Johor Bahru dan Empangan Sungai Lebam, Bandar Penawar, Kota Tinggi menunjukkan penurunan.

Pengarah Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Abdul Rashid A Rahman berkata, sehingga semalam, Empangan Sungai Lebam mencatatkan bacaan pada paras 9.87 meter berbanding paras kritikalnya 12.27, manakala Empangan Layang Atas pada paras 19.72 meter berbanding paras kritikalnya 23.5 meter.